

07/02/1997

PM sedia menjelaskan projek MSC

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia untuk memberi penjelasan lanjut kepada rakyat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata, beliau sedar masih ramai rakyat yang tidak faham mengenai projek itu kerana kurangnya penjelasan diberikan secara langsung kepada mereka.

"Kalau diizinkan oleh RTM, saya ingin adakan satu sesi untuk menerangkan apa dianya multimedia ini kerana saya sedar ramai yang tidak begitu faham apa dia MSC, apa dia zaman maklumat, teknologi maklumat kerana semua ini adalah perkataan baru.

"Bagi kebanyakan kita termasuk saya sendiri, pada mulanya tidak begitu faham apa dianya MSC ini tapi sekarang ini dok kerana terlalu banyak bercakap mengenai MSC, saya fahamlah," katanya selepas rakaman perutusan Aidilfitri di Angkasapuri hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed.

MSC, yang merangkumi kawasan seluas 15 kilometer x 50 kilometer persegi antara Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Putra Jaya di Sepang dengan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), adalah projek multimedia raksasa pertama seumpamanya pernah dirancang di dunia.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Mohamed berkata, Kementerian Penerangan melalui RTM dan Jabatan Penerangan akan melancarkan kempen penerangan mengenai MSC secepat mungkin bagi mendedahkan rakyat kepada program kerajaan itu.

Katanya, penerangan jelas mengenai MSC perlu kerana penyertaan rakyat yang aktif menjadi faktor penting dalam menjayakan projek itu selaras usaha Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

(END)